Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, KHAMIS, 29 OKTOBER, 1981

# "Mereka tidak akan tenteram hidup..."

"LANGKAH baru cegah rasuah," kata kepala muka hadapan di Berita Harian Oktober 27, 1981. Berita berikutan melaporkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai berkata, Kerajaan akan mewujudkan semula badan pencegah rasuah yang memusatkan tenaga semata-mata untuk mencegah rasuah.

Menurutnya, Biro Siasatan Negara (BSN) yang ada sekarang banyak menghabiskan masa menyiasat perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan rasuah, seperti harga dan mutu barang-barang.

Perdana Menteri mengakui beliau tidak akan dapat membasmi rasuah habis-habisan. "Tetapi saya akan dapat menghadkannya. Saya akan timbulkan rasa sesal dan ngeri di hati mereka yang terlibat dengan rasuah. Mereka tidak akan tenteram hidup selama-lamanya. Mereka akan terasa ada pedang tergantung di atas kepala mereka," tegas beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau mahu badan pencegah rasuah yang bakal ditubuhkan itu memusatkan tenaga mencegah rasuah.

* * *

**Komen Penulis:**

Satu-satu organisasi, sama ada BSN atau apa jua badan sekalipun, jika dibebankan dengan terlampau banyak tugas aneka rupa, maka ada kemungkinan (lebih-lebih lagi jika badan berkenaan tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi) akan menjadi apa yang diperkatakan mengikut peribahasa Barat, "Jack of all trades and master of none..." Dalam bahasa lain, badan itu akan berupa ketam bukan dan ikan pun bukan — kerana ia tidak mempunyai sepit seekor ketam dan jauhlah sekali dari "speed" (kelajuan) seekor ikan.

Penulis percaya pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri itu akan mematahkan nafsu dan semangat pegawai-pegawai Kerajaan yang mahu memperkayakan diri dengan cepat melalui korapsi. Kerana maklum sahajalah, apa gunanya kekayaan yang berlebihan jika si tuan punya kekayaan tidak lena tidur dan tidak kenyang makan?

Pengumuman yang sama akan jua melegakan dada rakyat merangkap pengundi yang menghormati Kerajaan adil dan bersih. Dan secara serentak akan jua menaikkan semangat pegawai-pegawai Kerajaan (dan ahli-ahli pentadbiran) di setiap peringkat dan lapisan untuk menjalankan tugas dengan jujur, setelah menyedari bahawa tindakan mereka dalam konteks ini bukan sahaja direstui malah akan dipertahankan oleh Perdana Menteri sendiri...

Kesimpulan: Sokongan dan kerjasama di pihak rakyat merangkap pengundi amatlah diperlukan untuk membolehkan Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr. M itu memerangi korapsi dan mengurangkan amalan rasuah ke peringkat yang paling minima di negara ini. Sokongan yang dimaksudkan di sini adalah berupa mandat dari rakyat merangkap pengundi untuk membolehkan Dr. M memimpin Kerajaan, bukan setakat 100 atau 300 hari, tapi sekurang-kurangnya selama 5 tahun lagi, setelah berakhirnya Pilihanraya Umum yang akan datang nanti.